Mesej Dua

## Keriangan Tuhan Tritunggal Menjadi Keriangan Kita

Bacaan Bible: Roma 15:13; 14:17; Yoh. 15:4, 11; Gal. 5:22

**I. Tuhan Tritunggal ialah Tuhan keriangan:**

A. Roma 15:13 berkata, “Sekarang semoga Tuhan harapan memenuhi kamu dengan segala keriangan dan damai sejahtera”:

1. Ini menunjukkan bahawa keriangan ialah satu atribut Tuhan.
2. Tuhan ialah Tuhan kenikmatan.
3. Dalam pengalaman kita, jika kita menikmati Tuhan sebagai kurnia, kita akan mempunyai damai sejahtera, dan jika kita mempunyai damai sejahtera, kita akan mempunyai keriangan.

B. Kristus juga merupakan keriangan percayawan:

1. Dalam Yohanes 15:11, Tuan berkata, “Hal-hal ini telah Kubicarakan kepada kamu agar keriangan-Ku dapat berada dalam kamu dan kerianganmu pula dapat dijadikan penuh.”
2. Konteks ayat ini ialah sabda Tuan berkenaan pohon anggur dan ranting-ranting.
3. Kita menjadi ranting-ranting pohon anggur divin merupakan perkara yang riang—kehidupan yang riang.
4. Keriangan kita sentiasa datang daripada kita tinggal dalam Tuan, daripada kita tinggal dalam kasih-Nya.
5. Dalam kehidupan begini, kita penuh dengan keriangan.
6. Keriangan ini ialah Kristus sendiri; apabila Dia tinggal dalam kita, keriangan-Nya tinggal dalam kita untuk menjadi sumber keriangan kita agar keriangan kita dapat melimpah-ruah dan menjadi penuh, supaya kita dapat menjalani kehidupan dengan riang.

C. Dalam Roh Kudus ada keriangan—Roma 14:17:

1. Tuhan menghendaki kita menikmati-Nya dan hidup untuk tujuan-Nya—Neh. 8:10; Ef. 3:11.
2. Tuhan Tritunggal ialah Tuhan keriangan, dan para dutus ialah rakan sekerja bersama dengan para pekudus untuk keriangan mereka—Roma 15:13; Yoh. 15:11; 17:13; Kis. 13:52; Gal. 5:22; 2 Kor. 1:24; Flp. 1:25; 2:17-18.
3. Kita boleh mengalami keriangan sabda Tuan berada dalam hati kita—Yer. 15:16.
4. Sabda Tuhan mewahikan satu fikiran yang manis, iaitu dalam Kristus, Tuhan telah memberi diri-Nya kepada kita sebagai kurnia untuk kita nikmati—Yoh. 1:14, 16-17; 2 Kor. 13:14:
   a. Pada kali pertama hubungan Tuhan dengan manusia disebut dalam Bible, Tuhan memaparkan diri-Nya sebagai makanan kepada manusia; ini menunjukkan bahawa Tuhan menghendaki kita menikmati-Nya—Kej. 2:7, 9; Mzm. 16:11; Yer. 15:16.
   b. Hasrat Tuhan ialah memberi diri-Nya kepada kita untuk kita nikmati—Neh. 8:10.
   c. Rahsia kehidupan orang Kristian bukan berapa banyak kita bekerja untuk-Nya tetapi berapa banyak kita menyerap-Nya dan menikmati-Nya—Yoh. 15:4-5; Kol. 2:6-7.

**II. Keriangan Tuhan Tritunggal menjadi keriangan kita:**

A. Dalam persona-Nya, Kristus ialah keriangan kita:

1. Jika kita tinggal dalam Tuan dan terus tinggal dalam-Nya dengan tinggal dalam kasih-Nya, kita akan dipenuhi keriangan—Yoh. 15:10-11.
2. Tuan sedang memulihkan perkara-perkara yang telah hilang dalam kalangan kebanyakan orang Kristian, dan salah satu perkara yang terpenting ialah menikmati Tuan—1 Ptr. 1:8.

3. Perkara makan dan menikmati Tuan mempunyai asasnya dalam Yohanes 6:57.
4. Kehidupan orang Kristian ialah kehidupan makan, minum, dan menikmati Tuan hari demi hari—ay. 57; 1 Kor. 10:4.
5. Untuk kita menjadi orang Kristian yang setia, normal, dan wajar, perkara utama yang perlu kita jaga ialah menikmati Tuan; ini perlu menjadi visi kita—Ams. 29:18; Kis. 26:19.
6. Roh kita perlu memimpin menjadi yang pertama menikmati Tuan—Ibr. 4:12:
   a. Kita harus belajar menggunakan roh kita secara langsung dan membiarkan sukma menjadi pengikut roh.
   b. Roh kita harus memimpin secara agresif menjadi yang pertama menikmati Tuan.
7. Dalam doa Anak kepada Bapa, Dia berkata, "Sekarang Aku datang kepada-Mu, dan hal-hal ini Kubicarakan di dunia agar keriangan-Ku dalam mereka dapat menjadi penuh"—Yoh. 17:13:
   a. Keriangan yang penuh ini terdapat dalam kesatuan yang sebenar.
   b. Apabila kita menjadi satu dalam nama Bapa melalui hayat Bapa, menikmati Bapa bersama-sama, keriangan Tuan dalam kita dapat menjadi penuh—ay. 13.

B. Dalam gereja yang merupakan kingdom Anak yang dikasihi Tuhan, kita mengalami dan menikmati Kristus yang almuhit—Kol. 1:12-13, 27; 2:9, 16-17; 3:1, 4, 11:
1. Kristus ialah bahagian peruntukan kita, tanah permai kita—warisan divin untuk kita nikmati—1:12.
2. Kristus ialah realiti setiap hal positif dalam alam semesta—2:16-17.
3. Kristus ialah Dia yang duduk di sebelah kanan Tuhan—3:1.
4. Kristus huni dalam kita sebagai harapan kemuliaan kita—1:27.
5. Kristus ialah hayat kita—3:4.
6. Kristus ialah konstituen satu manusia baru—ay. 10-11.

C. Menurut 1 Petrus 1:8, percayawan "bersorak riang dengan keriangan yang tidak terkata dan penuh kemuliaan":
1. Keriangan ini terbenam dalam Tuan yang merupakan kemuliaan; oleh itu, keriangan ini penuh dengan ekspresi Tuan.
2. Dengan percaya ke dalam Tuan dan mengasihi-Nya, kita beroleh keriangan besar.
3. Seseorang Kristian dalam keadaan normal akan mempunyai keriangan yang penuh dengan kemuliaan.

D. Menikmati Tuan mempunyai banyak aspek, seperti keriangan dalam hadirat Tuan (Mzm. 16:11), keriangan hidup dalam percintaan divin (Kid. 1:1-4), keriangan pendispenan divin daripada Triniti Divin (2 Kor. 13:14; Ef. 3:14-21), keriangan minum sungai kegirangan Tuhan (Mzm. 46:4a; 36:8b), keriangan mengenali kasih Tuhan (Gal. 2:20; Roma 8:38-39), keriangan melakukan kehendak Tuhan (Mzm. 40:8a), keriangan berasa cukup dalam segala keadaan (Flp. 4:11), dan masuk ke dalam keriangan Tuan dalam kingdom (Mat. 25:21, 23).

E. Seseorang Kristian harus seorang yang riang—riang dalam Roh itu—Gal. 5:22:
1. Tuan ialah keriangan kita apabila kita berada dalam-Nya—Roma 14:17.
2. Apabila kita tinggal dalam Tuan, tidak kira apa jua masalah yang kita hadapi, kita adalah riang, dan apa-apa kesusahan pun akan memperdalam keriangan kita dalam Tuan—Yoh. 15:4.
3. Roh Kudus ialah Roh keriangan—Roma 14:17:
   a. Jika kita adalah riang, ini menunjukkan bahawa Roh Kudus dalam kita juga riang—Gal. 5:22.
   b. Mungkin dalam sekitaran luaran tidak ada apa-apa yang membuat kita riang, namun Tuan yang hidup dalam kita ialah keriangan kita—Kol. 1:27.

*© 2023 Living Stream Ministry*